

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

RUJUKAN : DR019

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah kemajuan e-Tanah yang dilaksanakan di Malaysia dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi pada masa ini dan akan datang serta apakah faedah e-Tanah yang telah dicapai terutama dalam soal pelupusan, lesen menduduki sementara dan gadaian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek e-Tanah di Pulau Pinang dimulakan pada 12 Oktober 2005 dan disempurnakan pada 31 Disember 2008. Ia telah mula digunakan mulai Januari 2009. Projek ini telah diperluaskan ke Negeri Sembilan dan Melaka pada tahun 2009. Projek e-Tanah Negeri Melaka telah mula digunakan pada Disember 2014. Projek e-Tanah Negeri Sembilan telah siap dibangunkan pada November 2014 dan sedang menunggu kelulusan EXCO Negeri Sembilan untuk mula digunakan. Antara cabaran dalam melaksanakan sistem e-Tanah ialah:

- i. Keperluan menyelesaikan isu data tidak bersih yang diwarisi dari awal pentadbiran tanah dan juga daripada sistem-sistem *legacy* sebelum ini.
- ii. Menyeragamkan proses kerja yang berbeza antara daerah.
- iii. Perlu menghasilkan semula pelan B1 dan B2 yang hilang atau tiada tandatangan Pengarah Ukur Negeri.
- iv. Proses tukar ganti hakmilik ke Jadual Keenambelas perlu dibuat ke atas semua hakmilik. Dengan bilangan pendaftar semasa proses tukar ganti akan berpanjangan.
- v. Sukar mendapatkan kontraktor berpengalaman dalam kedua-dua aspek perundangan tanah dan teknologi. Tambahan pula tiada rujukan projek seumpama ini dari mana-mana negara lain untuk dijadikan panduan.

- vi. Perlu mendapatkan komitmen pengurusan atasan Pentadbiran Tanah negeri dan mengurus kehendak pengguna yang berubah-ubah menyukarkan pembangunan sistem.
- vii. Pembudayaan kerja bagi pengguna yang telah biasa dengan sistem sedia ada yang menolak untuk beralih menggunakan Sistem e-Tanah.
- viii. Keengganan Pentadbiran Tanah Negeri mengambil alih penyenggaraan Sistem e-Tanah disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan yang mencukupi.

Sistem e-Tanah telah mengkomputerkan keseluruhan urusan tanah yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara termasuklah pelupusan, permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan gadaian. Antara faedah Sistem e-Tanah ialah:

- i. Sistem e-Tanah merupakan sistem bersepadu yang menggantikan sistem-sistem sedia ada yang *stand alone* serta tidak berintegrasi antara satu sama lain.
- ii. Sistem e-Tanah diyakini dapat membendung kes-kes pemalsuan dan penipuan urusan tanah dan meningkatkan ketelusan pentadbiran tanah.
- iii. Kaunter *Single Point of Contact* (SPOC) membolehkan semua urusan berkaitan tanah dapat dilakukan pada satu (1) kaunter sahaja;
- iv. Sistem e-Tanah berintegrasi dengan sistem Jabatan lain yang berkaitan dengan urusan Tanah.
- v. Projek Sistem e-Tanah telah merekayasa (*re-engineering*) proses dan aliran kerja pentadbiran tanah bagi meningkatkan keefisienan pentadbiran tanah.

- vi. Sistem e-Tanah banyak mengautomasikan proses kerja dan seterusnya dapat memendekkan tempoh masa proses permohonan dan pendaftaran hakmilik;
- vii. Menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi carian persendirian, semakan status urusan tanah dan pembayaran hasil.

Sekian, terima kasih.